

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN PANG HOK LIONG (LABIS)

TARIKH : 25 OGOS 2020

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan program mewajibkan anggota polis lulus ujian indeks jisim badan (BMI) dan ujian kesihatan sebagai syarat kenaikan pangkat telah pun dilancarkan oleh PDRM kerana masalah obesiti akan menjejaskan imej pasukan polis negara :-

- (a) Kenapa sejumlah melebihi 10,000 pegawai dan anggota polis masih dikategorikan gemuk atau obes; dan
- (b) Apa ketinggian dan berat ideal wajib pada anggota polis.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- a) PDRM amat menitikberatkan kesihatan dan kecergasan yang baik ke atas setiap warganya bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan. Oleh yang demikian, **Dasar *Trim and Fit* PDRM** telah diperkenalkan kepada seluruh warga PDRM pada hujung tahun 2016.

Penampilan setiap warga PDRM hendaklah dalam keadaan yang memuaskan dengan mempunyai bacaan **BMI di antara 18.5 hingga 28.0** dan sentiasa dalam tahap kecergasan yang baik. Selain itu, PDRM turut memperkenalkan dasar menggalakkan warga PDRM membudayakan amalan penjagaan kesihatan yang baik.

Selain itu, PDRM telah meletakkan **BMI** sebagai salah satu pemarkahan bagi tujuan kenaikan pangkat untuk menggalakkan setiap warga PDRM sentiasa memastikan tahap **BMI** mereka dalam tahap yang normal.

PDRM menggalakkan setiap warganya untuk menjalankan aktiviti gaya hidup sihat, pemakanan atau diet seimbang bagi memastikan pegawai polis tersebut sentiasa memiliki tahap kesihatan dan kecergasan yang terbaik.

- b) Ketinggian yang ideal bagi lelaki ialah **163 sentimeter**, manakala berat ideal bagi lelaki ialah **50 – 60 kilogram**.

Ketinggian yang ideal bagi perempuan ialah **158 sentimeter**, manakala berat ideal bagi perempuan ialah **48 - 58 kilogram**.